



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

---

**Jil. 61**

**12hb April 2018**

**No. 8**

---

---

AKTA BINATANG 1953

(Akta 647)

ANIMALS ACT 1953

(Act 647)

**No. 14.**

KEHENDAK MENURUT SUBSEKSYEN 42(4)

REQUIREMENT UNDER SUBSECTION 42(4)

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 42(4) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*], Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini menghendaki supaya dibawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih untuk ditanda serta disuntik supaya terpelihara daripada mendapat penyakit Anjing Gila, pada tarikh, waktu dan tempat yang tersebut di dalam Jadual dibawah ini.

In exercise of the powers conferred by subsection 42(4) of the Animals Act 1953 [*Act 647*], the Director of Veterinary Services of Perlis hereby requires every dog aged (3) month and above be brought to be marked and vaccinated against Rabies at such date, time and place as stated in the Schedule below.

JADUAL SUNTIKAN PENCEGAHAN PENYAKIT ANJING GILA  
TAHUN 2018 NEGERI PERLIS

Tarikh/ <i>Date</i>	Kawasan/ <i>Area</i>	Pusat Suntikan/ <i>Vaccination Centre</i>	Waktu/ <i>Time</i>
Hari bekerja <i>Working day</i>	Kangar	Pusat Perkhidmatan Veterinar Kangar Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis Km. 3, Jalan Raja Syed Alwi 01000 Kangar.	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja <i>Working day</i>	Arau	Pusat Perkhidmatan Veterinar Arau Jalan Raja, 02600 Arau	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>
Hari bekerja <i>Working day</i>	Kaki Bukit	Pusat Perkhidmatan Veterinar Kaki Bukit Km. 15, Jalan Kaki Bukit 02200 Kaki Bukit	8.30 pagi/a.m. – 12.30 tengah hari/ <i>p.m.</i> 2.30 petang/ <i>p.m.</i> – 4.30 petang/ <i>p.m.</i>

Bertarikh 21 Februari 2018

Dated 21 February 2018

[JPV.Ps. 08/01/03 Jld. 6(72); PUN.Ps. 0043 Jld. 2]

DR. ARMAN BIN KISON  
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Perlis/  
Director of Veterinary Service of  
Perlis*

**No. 15.**

PEMBERITAHUAN MENURUT PERENGGAN 42(6)(a)

*NOTIFICATION UNDER PARAGRAPH 42(6)(a)*

Oleh kerana Y.A.B. Menteri Besar Perlis, pada 21 Februari 2018 telah mengeluarkan Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Perlis) 2018 di bawah subseksyen 42(1) Akta Binatang 1953 [*Akta 647*] dalam Negeri Perlis. Oleh yang demikian, pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 42(6)(a) Akta Binatang 1953, Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri Perlis dengan ini memaklumkan bahawa setiap anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih dalam Negeri Perlis hendaklah selepas 1 Julai 2018 dan bila-bila masa semasa Perintah tersebut berkuat kuasa memakai pada badannya satu lencana bernombor yang dikeluarkan bagi tahun 2018 oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia yang menjadi keterangan bahawa anjing tersebut itu telah disuntik supaya terpelihara daripada penyakit Anjing Gila.

Mana-mana anjing yang berumur tiga (3) bulan dan lebih yang dijumpai di dalam Negeri Perlis selepas 1 Julai 2018, semasa merayau-rayau atau tidak, yang tidak memakai lencana suntikan yang tersebut itu akan dimusnahkan.

*Whereas, Y.A.B. Menteri Besar of Perlis, has on the 1 February 2018 made Anti-Rabies Vaccination (Perlis) Order 2018 under subsection 42(1) of the Animal Act 1953 [Act 647], in respect of the state of Perlis. Now, therefore in exercise of the powers conferred by paragraph 42(6)(a) of the Animals Act 1953, the Director of Veterinary Services of Perlis requires that every dog three (3) month of age and above, in the State of Perlis after 1 July 2018 at all times during the continuance in force of the Order, carry upon it a serial number issued for the year 2018 by the Veterinary Department of Malaysia as evidence of its having been vaccinated against Rabies.*

*Any dog three (3) months of age and above found in the State of Perlis after 1 July 2018, whether at large or not which does not carry upon it the said vaccination badge may be destroyed.*

Bertarikh 21 Februari 2018

*Dated 21 February 2018*

[JPV: Ps.08/01/03 Jld. 6(72); PUN. Ps. 0043 Jld. 2]

DR. ARMAN BIN KISON  
*Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Perlis/  
Director of Veterinary Service of  
Perlis*

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA